

05/05/1999

Ambil iktibar negara kaya, rakyat miskin

Saifuddin Bohari

SINDROM bencikan kepemimpinan negara hari ini disemarakkan oleh pihak tertentu di sekolah, pejabat kerajaan, institusi pengajian tinggi dan agensi kerajaan. Jika sikap antikerajaan ini dicetuskan pembangkang, ia mungkin perkara biasa. Namun, apa yang pelik antara mereka yang berbuat demikian adalah mereka yang banyak menikmati kemudahan dan bantuan kerajaan.

Bersekolah di sekolah kerajaan, mendapat buku teks kerajaan, pendidikan termurah yang disediakan kerajaan dengan segala kemudahan pembelajaran, biasiswa sehinggalah kuota kemasukan ke universiti tempatan dan luar negara, segala-galanya bersumberkan kewangan atau perbendaharaan kerajaan.

Namun mereka dengan lantang mendabik dada, "duit untuk pendidikan adalah duit rakyat". Begitu mudah mereka membuat andaian.

Tidakkah mereka terfikir, bahawa jika kerajaan tidak bijak mengurus wang rakyat, apakah ekonomi negara akan mencapai kadar pertumbuhan yang menggalakkan. Pernahkah kita bermimpi untuk menikmati kemewahan ekonomi yang mengejutkan negara-negara Asean dan negara di sebelah Timur dan Barat?

Jika kita mengambil iktibar negara lain yang kaya raya tetapi pemerintahannya tidak stabil dan tidak bijak mengurus negara, rakyat negara berkenaan sentiasa hidup miskin.

Jika diteliti, wang rakyat yang digunakan untuk membantu bangsa Melayu sebenarnya adalah hasil perkongsian kuasa semua bangsa di Malaysia, terutama kerajaan Barisan Nasional (BN).

Pernahkah kita bermimpi segala kemewahan yang kita kecapai hari ini adalah kerana usaha gigih kerajaan yang majoriti disokong rakyat? Apakah jika kerajaan duduk diam, tidak melakukan apa-apa maka negara kita akan menjadi kaya? Bukankah juga kerana kebijaksanaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, maka rata-rata di kalangan kita memiliki Proton Saga. Itulah impian Dr Mahathir ketika dia masih menjadi doktor biasa lagi.

Jika kita membaca buku Dilema Melayu, sedikit kita dapat mengetahui tempas idea dan pemikirannya untuk memartabatkan bangsa Melayu yang dikatakan bangsa yang lemah dan malas.

Jika ada pegawai kerajaan bencikan pemimpin dan kerajaan hari ini, kenapa masih mahu berada di dalam kerajaan? Kenapa tidak berani meletak jawatan sebagaimana yang pernah dilakukan pegawai-pegawai kerajaan ketika menentang British di Sarawak pada 1946.

Mereka meletak jawatan beramai-ramai menentang penyerahan negeri kepada British. Saudara benci kerajaan tetapi saudara masih lagi berada di dalam kerajaan bermakna saudara tidak yakin akan kebolehan kerajaan lain menguruskan pegawai kerajaan seperti anda itu, walaupun rata-rata saudara menyokong pembangkang yang belum menyumbangkan walau sesen pun.

Apakah kerana keghairahan melihat kibaran bendera pembangkang yang penuh di atas pokok dan di bumbung rumah, saudara memikirkan mereka ini bijak mengurus negara? Tidakkah saudara sedar kibaran bendera itu adalah kibaran kekalahan sejak 1955. Jika saudara bijak menggunakan akal fikiran kurniaan Tuhan, bukankah di Kelantan, negeri pembangkang masih dilanda kemiskinan?

Negeri termiskin sekali ialah Kelantan. Apakah saudara dengan hanya melihat wanitanya ramai yang menjual cili, bawang di pasarnya menandakan mereka itu usahawan berjaya? Inikah model kerajaan idaman saudara untuk mengurus Malaysia?